

**KEBERKESANAN KAUNSELING KELOMPOK PENDEKATAN PEMUSATAN INSAN  
DAN PENDEKATAN PSIKOLOGI KOGNITIF AD-DIN KE ATAS KONSEP KENDIRI  
REMAJA HAMIL LUAR NIKAH**

**Fauziah Mohd Sa'ad**

Mohd Noor Idris

Norazani Ahmad

Nurul 'Ain Mohd Daud

Hapsah Md Yusof

Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA

**ABSTRAK**

Kajian ini telah dijalankan bertujuan mengukur kesan rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan (KKPPI) dan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din (KKPKAD) ke atas konsep sendiri remaja hamil luar nikah. Kajian ini melibatkan 55 orang remaja dari tiga buah pusat perlindungan wanita iaitu RaudhatulSakinah, KEWAJA dan Taman Seri Puteri Cheras (JKM). Subjek kajian berumur di antara 13 hingga 21 tahun. Soal selidik yang digunakan ialah *Multidimensional Self-Concept Scale* (MSCS). Nilai kebolehpercayaan alat kajian diukur melalui kaedah *Cronbach Alpha koefisien*. Kaedah item keseluruhan dan kesahan konstruk digunakan untuk mengukur tahap kesahan alat ujian. Kajian ini menggunakan reka bentuk ujian pra dan ujian pos. Kaedah quasi eksperimen telah digunakan untuk mengutip data. Subjek telah dibahagikan kepada tiga kumpulan. Dua kumpulan rawatan dan satu kumpulan kawalan; (i) Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan (n=18) (ii) Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din (n=19) dan (iii) kumpulan kawalan (n=18). Setiap kumpulan rawatan menjalani sesi kaunseling kelompok selama tujuh kali iaitu sekali setiap minggu selama tujuh minggu berturut-turut. Data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif, ANOVA, MANCOVA dan *Post Hoc* jenis *Tukey* pada nilai aras kesignifikanan 0.01 dan 0.05. Hasil kajian boleh dirumuskan seperti berikut : (1) Intervensi Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan dan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din memberi kesan yang signifikan terhadap semua pemboleh ubah terikat utama iaitu konsep sendiri (KK) di kalangan remaja hamil luar nikah di ketiga-tiga lokasi kajian. Dapatan kajian menunjukkan intervensi Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan dan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din memberi kesan meningkatkan konsep sendiri remaja hamil luar nikah. (2) Berdasarkan analisis ANOVA dan MANCOVA dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara intervensi Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan (KPKPI) dan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din (KKPKAD) ke atas konsep sendiri. Walau bagaimanapun berdasarkan ukuran min ujian pra dan ujian pos, hasil kajian mendapati KKPKAD mempunyai bacaan min lebih tinggi berbanding KKPPI. Ini adalah kerana KKPKAD mempunyai dua kekuatan iaitu pada kaedah amalan kerohanian dan kebolehan kaunselor memberi alternatif-alternatif menyelesaikan masalah yang dihadapi klien. Kesimpulannya, Kajian ini membuktikan intervensi KKPPI dan KKPKAD adalah sesuai untuk digunakan ke atas pelbagai golongan dan peringkat umur. Implikasi, limitasi dan saranan untuk kajian akan datang turut dibincangkan dalam kajian ini.

**PENGENALAN**

Muktakhir ini masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja bukanlah fenomena baru. Perkara ini telah mendapat perhatian di peringkat nasional hingga antarabangsa. Perkembangan tahap remaja selalu dikaitkan dengan waktu remaja (period) untuk bereksperimen. Ia merupakan perubahan kehidupan remaja. Hall dalam Garisson (1965) menggambarkan bahawa masa remaja sebagai satu jangka pancaroba (storm and stress) yang berpunca daripada proses pertumbuhan diri remaja yang sangat pesat. Remaja akan berada dalam kekeliruan dan perubahan ke arah kematangan. Remaja akan mengalami perubahan fizikal, mereka juga mencari identiti dan peranan mengikut perkembangan

psikososial remaja. Pada masa ini remaja akan mengalami pelbagai perubahan dari segi fizikal, mental dan psikologi (Francis, 2007).

Kajian-kajian empirikal menunjukkan remaja perempuan hamil tanpa nikah ini mempunyai konsep sendiri yang rendah (Pete, 1989; Paik, 1992; Drummond & Hansford, 1990; Pete-McGadney, 1995) kemurungan yang tinggi (Hack, Youngstrom, Cartar et al., 2004; Gilbert, 2007), dan daya tahan yang rendah (Guerra, 2010). Berdasarkan ciri-ciri psikologi ini, remaja perempuan hamil tanpa nikah ini perlukan bantuan berbentuk intervensi bagi meningkatkan konsep sendiri, mengurangkan kemurungan dan meningkatkan daya tahan.

Bagi menangani masalah ini pelbagai strategi harus dilakukan dengan bijaksana dan sistematik. Di Malaysia kehamilan tanpa nikah adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam dan budaya di negara ini. Kehamilan tanpa nikah ini boleh merosakkan agama, bangsa dan negara. Oleh itu, sebagai salah satu alternatif dalam menangani masalah remaja perempuan hamil tanpa nikah adalah melalui perkhidmatan bimbingan, kaunseling dan konsultasi. Ini adalah alternatif pencegahan kerana jika remaja ini tidak diberi sebarang intervensi akan memungkinkan mereka terperangkap ke dalam kesudahan yang lebih buruk iaitu perlakuan yang lebih bermasalah pada masa akan datang (Burt, Resnick & Novik, 1998).

Oleh itu, kajian ini akan mengengahkan dua modul kaunseling kelompok berteraskan pendekatan Kaunseling Kelompok Pemusatan Insan (KKPI) dan pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din (KKPKAD) dengan memberi penekanan kepada proses perkembangan, pencegahan dan penyembuhan. Kaunseling kelompok ini akan digunakan untuk meningkatkan konsep sendiri (KK) remaja perempuan yang hamil tanpa nikah. Setelah intervensi dijalankan pengkaji akan mengukur keberkesanan intervensi yang dijalankan.

Menurut Fitts (1965) menyatakan bahawa konsep sendiri seseorang adalah berdasarkan persepsi terhadap diri sendiri. Persepsi ini pula haruslah dilihat dari sudut pandangan orang itu sendiri dan bukanlah berdasarkan pandangan orang lain. Seseorang yang mempunyai konsep sendiri positif akan menyukai dirinya sendiri dan merasakan bahawa dirinya dihargai serta berkeyakinan.

Manakala Coopersmith (1967) pula menyatakan bahawa konsep sendiri adalah penilaian seseorang tentang harga dirinya yang digambarkan melalui kata-kata atau perbuatannya. Berdasarkan pernyataan Coopersmith ini, faktor penting yang mempengaruhi konsep sendiri kanak-kanak adalah bentuk hubungan antara kanak-kanak dengan ahli keluarga terutama ibu bapa kerana mereka merupakan model kepada anak-anak.

Selain itu, zaman remaja melibatkan peningkatan kekuatan fizikal dan tahap autonomi, iaitu remaja mula mempunyai darjah kebebasan tertentu. Justeru, konsep sendiri yang betul memainkan peranan agar perubahan tidak membahayakan remaja dan orang sekelilingnya. Hal ini demikian kerana, mereka terdedah kepada devian, tiada keyakinan diri dan rasa tersisih daripada masyarakat (Azizi & Halimah 2010).

Oleh itu, berdasarkan kajian lepas dapatlah dirumuskan bahawa konsep sendiri kanak-kanak adalah bentuk hubungan antara kanak-kanak dengan ahli keluarga terutama ibu bapa kerana mereka merupakan model kepada anak-anak. Seseorang yang mempunyai konsep sendiri positif akan menyukai dirinya sendiri dan merasakan bahawa dirinya dihargai serta berkeyakinan. Manakala, jika remaja mempunyai konsep sendiri yang rendah, tindakan ini akan menghasilkan rasa benci pada diri sendiri sehingga membawa kepada tingkah laku bermasalah. Selaras dengan itu, dapatan kajian lepas menunjukkan remaja hamil luar nikah mempunyai ciri psikologi konsep sendiri yang rendah berbanding remaja yang tidak hamil. Kajian-kajian yang lepas menunjukkan intervensi secara pemulihan terutama menggunakan pendekatan kaunseling berjaya menggalakkan perkembangan, mencegah dan menyembuhkan. (Gadza, 1978). Kajian-kajian yang dilakukan pengkaji-pengkaji di barat dan di dalam negara (Wan Abdul Kader, 1994; Abdul Malek, 2004; Sapora, 2007; Aziz Shah, 2008; Sun Choi, 2006; Michele, 1999; Miller et al., 2008; Smith Ad-cock, 2008 dan Vasiliauskas,

2011) telah menunjukkan keberkesanan kaunseling kelompok dalam proses pencegahan, perawatan dan pemulihan berjaya membantu dalam proses penyesuaian dalaman klien mereka.

Kajian-kajian yang dijalankan di barat seperti O'Mara et al. (2006), Padgett dan Gazda (2007), Elbaum dan Vaughn (2001) menunjukkan bahawa intervensi kaunseling kelompok yang berbentuk pencegahan, pemulihan dan perkembangan berjaya meningkatkan konsep diri remaja. Dapatan yang sama juga telah diperolehi oleh pengkaji dalam negara berkaitan dengan pelaksanaan intervensi kaunseling kelompok. Dapatan oleh Rahimi (2006) yang menggunakan kaedah kaunseling *brief* dan Mohammad Aziz Shah (2008) menggunakan kajian berbentuk eksperimen berkaitan intervensi kaunseling kelompok menunjukkan bahawa intervensi kaunseling kelompok yang berbentuk pencegahan, pemulihan dan perkembangan berjaya meningkatkan konsep diri remaja.

Oleh yang demikian kajian ke berkesanan Kaunseling Kelompok Pemusatan Insan dan Psikologi Kognitif Ad-Din terhadap konsep diri remaja perempuan hamil luar nikah ini wajar dibuat kajian bagi mengetahui keberkesanan. Ini adalah kerana remaja merupakan aset yang paling penting kepada negara dan setiap daripada remaja itu sendiri mempunyai keunikan mereka yang tersendiri dan sekiranya ini tidak ditangani dengan segera ia boleh menjejaskan keharmonian hidup dalam institusi kekeluargaan khususnya. Jika dibiarkan ia boleh menghancurkan potensi diri remaja itu sendiri yang bakal menjadi pencorak dan penggerak pembangunan negara pada masa akan datang. Oleh itu, masalah kehamilan luar nikah ini perlulah ditangani segera kerana ia membawa keburukan kepada remaja, keluarga, masyarakat dan negara.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang dijalankan secara eksperimen. Kajian kuantitatif adalah untuk menguji hipotesis dan melihat hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian dengan jelas (Cresswell dan Miller, 2000). Menurut Azizi dan rakan-rakan (2007) eksperimen dianggap reka bentuk penyelidikan yang baik dan dilakukan bagi menguji hipotesis. Reka bentuk ini mengungkap hubungan antara dua pemboleh ubah atau lebih atau mencari pengaruh satu pemboleh ubah pada pemboleh ubah yang lain. Dalam penyelidikan penyelidik membuat satu hipotesis atau lebih yang menyatakan sifat daripada hubungan pemboleh ubah yang diharapkan. Dalam usaha untuk melihat kesan kepada sesuatu perhubungan, kajian ini menggunakan kaedah eksperimen di mana ia bertujuan untuk melihat kesan daripada rawatan kaunseling kelompok yang dijalankan ke atas pemboleh ubah terikat iaitu konsep diri.

Reka bentuk yang menjadi asas kajian adalah reka bentuk kumpulan kawalan ujian pra dan pos kaedah kuasi eksperimen di mana ia bertujuan untuk melihat kesan daripada rawatan kaunseling kelompok yang dijalankan ke atas pemboleh ubah terikat iaitu konsep diri. Menurut Mohammad Aziz Shah (2010) kuasi eksperimen ialah kajian eksperimen yang dilakukan oleh penyelidik dan tidak memenuhi sepenuhnya syarat-syarat dalam eksperimen tulen, iaitu a) hanya satu sahaja pemboleh ubah bersandar yang dimanipulasikan pada satu-satu masa tertentu, b) perlu ada kumpulan kawalan dan c) subjek kumpulan rawatan dan kawalan dipilih secara rawak. Cresswell (2008) juga menyatakan kuasi eksperimen dijalankan kerana penyelidik tidak membahagikan kumpulan secara rawak berbanding dengan kajian eksperimen sebenar.

Jadual 4.1 Reka bentuk yang menjadi asas kajian ini adalah reka bentuk eksperimen kuasi

<b>KELOMPOK</b>	<b>PRA UJIAN</b>	<b>INTERVENSI</b>	<b>POS UJIAN</b>
Pemilihan kelompok kawalan	Ujian Pra	Tiada rawatan	Ujian Pos
Pemilihan kelompok eksperimen	Ujian Pra	Rawatan eksperimen	Ujian Pos



Sumber: Creswell 2008

### **Subjek kajian**

Subjek kajian terdiri daripada 55 orang remaja hamil tanp nikah dan dipilih dengan menggunakan persampelan bertujuan. Subjek mempunyai ciri-ciri tertentu seperti konsep sendiri yang rendah. Subjek tidak mengikuti sebarang kaunseling kelompok dan mempunyai penyakit yang merbahaya. Mereka mesti bersetuju untuyk mengikuti program yang dijalankan dan tidak membincangkan apa-apa yng berkaitan dengan rawatan kaunseling kelompok semasa sesi rawatan dijalankan.

### **Tempat Kajian**

Kajian ini dijalankan di tiga buah pusat perlindungan wanita iaitu Raidhatul Sakinah, KEWAJA dan Taman Seri Puteri Cheras (JKM).

### **Instument kajian**

Soal Selidik Kajian

**Soal selidik kajian yang digunakan ialah Skala Konsep Kendiri Multidimensi (SKKM).Skala Konsep Kendiri Multidimensi (SKKM) telah dibina oleh Bracken (1992,1996). Inventori konsep kendiri Multidimensi mempunyai enam subskala iaitu kendiri sosial , kendiri kemampuan, kendiri perasaan, kendiri akademik, kendiri keluarga dan kendiri fizikal . Nilai kebolehpercayaan alat kajian diukur melalui kaedah Cronbach Alpha koefisien nilai kebolehpercayaan alpha ialah .875.**

### **Modul Sesi Kaunseling**

Modul kaunseling kelompok yang digunakan ialah modul Kaunseling Kelompok Pemusatan Insan dan modul kaunseling kelompok pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din.

### **Tatacara Kajian**

Pengkaji menjalankan sesi intervensi menggunakan modul teori Pemusatan Insan dan Psikologi Kognitif Ad-Din selama 7 sesi. Setiap sesi mengambil masa selama satu setengah hingga dua jam. Pengkaji akan mengendalikan sesi kaunseling kelompok. Sebelum memulakan sesi pertama pengkaji memberi ujian pra kepada subjek. Selepas sesi ke 7 pengkaji memberi soal selidik untuk ujian pos. Selepas sebulan pengkaji memberi ujian susulan.

### **Penganalisan Data Statistik**

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan pakej *Statistical Package for Social Science version 17.0 for Windows*. Statistik inferensi (ANOVA dan MANOVA) dan statistik deskriptif (Min dan sisihan piawai) digunakan. Tujuan statistik inferensi digunakan ialah untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian dan statitik deskriptif pula ialah untuk memerihalkan hasil kajian.

### **Pembolehubah Penyelidikan**

Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah dua jenis intervensi kaunseling kelompok iaitu Kaunseling Kelompok Pemusatan Insan dan Psikologi Kognitif Ad-Din . Pembolehubah terikat ialah konsep sendiri.

### **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN DAPATAN DAN ANALISIS**

Penggunaan kaedah berstatistik dalam kajian ini adalah dianggap penting kerana ianya dapat memahami karakter atau sifat data dan menghuraikan untuk mendapat kefahaman secara mudah dalam eksperimen ini. Selain bertujuan menguji hipotesis juga menguji perkembangan teori dan membuat huraian serta kesimpulan. Oleh itu ujian hipotesis akan dijelaskan seperti di bawah ini.

### **Ujian Hipotesis Kajian**

#### **Hipotesis Nol (Ho1)**

**Tidak terdapat perbezaan signifikan kesan rawatan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos pemboleh ubah terikat iaitu konsep sendiri (KK) kelompok eksperimen berbanding kelompok kawalan remaja hamil luar nikah yang mengikuti Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan (KKPPI) dan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din (KKPPKAD).**

Keputusan analisis ujian pra dan ujian pos pemboleh ubah utama kajian seperti Jadual 5.7 adalah ringkasan analisis deskriptif iaitu menunjukkan peningkatan skor min ujian pos berbanding skor min ujian pra pemboleh ubah utama kajian iaitu konsep sendiri antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Jadual 1 : Ringkasan analisis deskriptif skor min ujian pradan ujian pos pemboleh ubah terikat utama konsep sendiri dengan pendekatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan(KKPPI) dan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din (KKPPKAD)

Pemboleh ubah	Pendekatan	Min	Min
		Ujian pra	Ujian pos
Konsep Kendiri	Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan (KKPPI)	2.24	4.47
	Kaunseling kelompok Pen. Psikologi Kognitif Ad-Din (KKPPKAD)	2.44	4.01
	Kawalan(KKPPI)	2.66	2.66
	Kawalan(KKPPKAD)	2.50	2.50

Manakala ringkasan ujian ANOVA sehalu menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan Kaunseling Kelompok Pemusatan Insan (KKPPI) dan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din (KKPPKAD) dengan kumpulan kawalan (KK). Ini menunjukkan kesan rawatan di antara Kaunseling Kelompok Pemusatan Insan dan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din dalam ujian pra dan ujian pos ke atas konsep sendiri  $\{F(1,18) = 25.30, p < .01\}$ , analisis ANOVA (ujian F) mendapati perbandingan skor min semua kelompok adalah signifikan maka akan diteruskan dengan ujian *Post Hoc* kaedah *Scheffe*.

Jadual 2: Ringkasan analisis ANOVA (ujian F) perbandingan antara ujian pra dan ujian pos Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan (KKPPI) dan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din (KKPPKAD), terhadap konsep sendiri

		JKD	Dk	MKD	F	Sig.
KKENDIRI	Antara kumpulan	21.544	1	2.394	25.302**	.000
	Dalam kumpulan	7.758	18	.095		
	Jumlah	29.303	19			

\*\*p<.01

\*p<.05

Keputusan ujian Post Hoc pada Jadual 2 menerangkan bahawa perbandingan antara kelompok rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan dan rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din dengan kelompok kawalan kedua-duanya adalah signifikan. Julat skor min rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan bagi pemboleh ubah konsep sendiri antara 0.85 sehingga 1.01 dengan ralat piawai yang kecil ( $\epsilon < 1$ ). Julat skor min untuk rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din pula adalah antara 0.94

sehingga 1.03 dan ralat piawai adalah 0.13 dan 0.14. Oleh itu hipotesis nol ditolak. Dengan keputusan kajian tersebut, dapat dirumuskan terdapat kesan rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan dan rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din ke atas konsep sendiri.

Jadual 3 : Ringkasan ujian post hoc kaedah Scheffe, perbandingan antara Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan (KKPPI), Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din (KKPPKAD), dan kelompok kawalan terhadap konsep sendiri

Pemboleh ubah	Kawalan	Respon Kelompok	Julat Min	Ralat	Sig.	Keterangan
Konsep sendiri	KK	KKPPI1pos	1.01044*	.13756	.000	p<.01
		KKPPI2pos	.85753*	.14590	.000	p<.01
		KKPPKAD1pos	.94378*	.13756	.000	p<.01
		KKPPKAD2pos	1.03223*	.14133	.000	p<.01

p<.01 (signifikan pada aras 99%)

p<.05 (signifikan pada aras 95%)

Keterangan:


KKPPI(1 dan 2) = Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan

KK = Kelompok kawalan

KKPPKAD(1 dan 2) = Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din

KK = Kelompok kawalan

Rajah 1 di bawah ini adalah memperlihatkan perbandingan garisan antara kelompok rawatan KKPPI, KKPPKAD serta Kelompok Kawalan. Tren peningkatan skor min akibat kesan rawatan ditunjukkan dengan garisan yang meningkat, manakala kelompok kawalan tren garisannya adalah tidak tekal adakalanya menurun adakalanya bertambah dengan skor peningkatan yang kecil, berbanding dengan peningkatan skor min KKPPI dan KKPPKAD.



Rajah 1 :Perbandingan kenaikan skor min Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan (KKPPI),Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad Din (KKPPKAD) dan kelompok kawalan

### Hipotesis Nol (Ho2)

**Tidak terdapat kesan kelompok rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan dan kelompok rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din terhadap min ujian pra dan ujian pos subskala konsep sendiri kelompok eksperimen dan kelompok kawalan.**

Keputusan kajian berdasarkan analisis MANCOVA menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara min ujian pra dengan min ujian pos semua pemboleh ubah terikat subskala konsep sendiri iaitu subskala sosial pada nilai  $F(2,24) = 3.210, p < .05$ ; perasaan pada nilai  $F(2,24) = 3.210, p < .05$ ; akademik pada nilai  $F(2,24) = 7.177, p < .05$ , kemampuan pada nilai  $F(2,24) = 7.069, p < .05$ ; keluarga pada nilai  $F(2,24) = 3.607, p < .05$  dan fizikal pada nilai  $F(2,24) = 4.949, p < .05$ . Keputusan kajian tersebut, menunjukkan rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan dan rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din memberi kesan ke atas subskala konsep sendiri secara berkesan. Oleh kerana hasil analisis ini adalah signifikan, maka ujian Post-Hoc dijalankan.

Jadual 4: Ringkasan analisis MANCOVA melihat kesan rawatan terhadap min ujian pra dan ujian pos subskala Konsep Diri (KK) kelompok eksperimen dan kelompok kawalan

Sumber	Pemboleh ubah Terikat	JKD	Dk	MKD	F	Sig.
Ujian prasubskala social	Ujian posSubskala Sosial	127.016	2	63.508	3.210*	.041
Ujian pra subskala kemampuan	Ujian pos Subskala Kemampuan	1093.693	2	546.846	4.955*	.038
Ujian pra subskala perasaan	Ujian pos Subskala Perasaan	439.982	2	219.991	6.268**	.002

Ujian pra subskala akademik	Ujian pos Subskala Akademik	987.054	2	493.527	2.686*	.050
Ujian pra subskala keluarga	Ujian pos Subskala Keluarga	21576.176	2	10788.088	5.115*	.006
Ujian pra subskala keluarga fizikal	Ujian pos Subskala Fizikal	288.160	2	144.080	9.325**	.001
Rawatan	Ujian pos Subskala Sosial	20381.235	2	10190.618	18.229**	.000
	Ujian pos Subskala Kemampuan	4.919	2	2.459	7.069*	.033



	Ujian pos Subskala Perasaan	1586.585	2	793.293	4.327*	.013
	Ujian pos Subskala Akademik	753.245	2	376.622	3.177*	.038
	Ujian pos Subskala Keluarga	15247.581	2	7623.790	3.607	.027
	Ujian pos Subskala Fizikal	348.020	2	174.010	4.949	.007

\* p<.05 (signifikan pada aras 95%)

\*\*p<.01 (signifikan pada aras 99%)

Hasil analisis menggunakan ujian Post Hoc–Tukey dalam Jadual 5 di atas menunjukkan terdapat perbezaan signifikan min ujian pos semua subskala konsep sendiri, iaitu konsep sendiri sosial, konsep sendiri kecekapan, konsep sendiri perasaan, konsep sendiri keluarga, konsep sendiri fizikal dan konsep sendiri akademik antara kelompok rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan (KRKKPPI) dan kelompok rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din (KRKKPPKAD); antara kelompok rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan (KRKKPPI) dengan kelompok kawalan (K); dan antara kelompok rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din (KRKKPPKAD) dengan kelompok kawalan (K). Dengan keputusan kajian tersebut, hipotesis nol 2 ditolak. Oleh itu, dirumuskan bahawa rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan dan rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din memberi kesan ke atas subskala konsep sendiri secara berkesan.

Jadual 5 :Ringkasan analisis post hoc – tukey perbezaan min ujian pos antara kelompok rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan dan kelompok rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din ke atas subskala konsep sendiri

Subskala Konsep Kendiri	Kelompok		Perbezaan Min (I – J)	Sig. I
	I	J		
Sosial	KRKKPPI	KRKKPPKAD	0.67*	.03
	KRKKPPI	K	0.89*	.04
	K	KRKKPPKAD	1.55**	.00
Kemampuan	KRKKPPI	KRKKPPKAD	0.98*	.01
	KRKKPPI	K	0.57*	.04
	K	KRKKPPKAD	0.39*	.03
Perhubungan	KRKKPPI	KRKKPPKAD	0.39*	.04
	KRKKPPI	K	0.61*	.00
	K	KRKKPPKAD	0.22*	.00
Akademik	KRKKPPI	KRKKPPKAD	0.76	.05
	KRKKPPI	K	1.67**	.00
	K	KRKKPPKAD	1.76**	.00



Keluarga	KRKKPPI	KRKKPPKAD	0.30*	.04
	KRKKPPI	K	0.52*	.04
	K	KRKKPPKAD	0.62*	.00
Fizikal	KRKKPPI	KRKKPPKAD	0.89*	.04
	KRKKPPI	K	1.29**	.00
	K	KRKKPPKAD	1.20**	.00

\*  $p < .05$  (signifikan pada aras 95%)

\*\* $p < .01$  (signifikan pada aras 99%)

## PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

### Kesan Kaunseling Kelompok Pemusatan Insan ke atas Konsep Kendiri

Hasil dapatan menunjukkan Kaunseling Kelompok Pemusatan Insan berjaya meningkatkan konsep kendiri, remaja hamil tanpa nikah. Hasil kajian di atas bertepatan dengan teori yang diasaskan oleh Rogers (1940, 1961) yang menyatakan bahawa individu akan bergerak berdasarkan keperluan sendiri untuk mengubah konsep kendiri sekiranya situasi psikologi seseorang adalah bertepatan iaitu wujud kekongruen dalam pengalaman individu dengan pengalaman yang dialami dari persekitaran. Rogers juga menyarankan situasi penerimaan seperti ketulenan, empati dan penerimaan tanpa syarat sebagai asas penting membantu meningkatkan konsep kendiri seseorang. Kajian ini juga membuktikan bahawa intervensi Kaunseling Kelompok Pemusatan Insan berjaya meningkatkan konsep kendiri remaja hamil tanpa nikah. Keberkesanan Kaunseling Kelompok Pemusatan Insan diakui oleh Cains (2003) yang menyatakan ia boleh digunakan kepada semua jenis kaunseling dan kepada semua jenis klien.

Teori pemusatan insan merupakan satu teori yang amat meluas digunakan dalam pelbagai bidang dan pelbagai jenis klien (Paulus, 2000, Wan Kader, 1998 dan Sapora, 2008). Secara umumnya teori ini melihat manusia mampu berkembang secara positif dan membina jika wujud perasaan percaya mempercayai dan hormat menghormati. Terapi ini berandaian bahawa individu boleh bergerak untuk mencapai potensi sepenuhnya (Corey, 2005; Othman, 2005, Wan Abdul Kader, 1986; Sapora, 2008).

### Kesan kaunseling Psikologi Kognitif Ad-Din ke atas Konsep Kendiri

Hasil dapatan menunjukkan kaunseling kelompok Psikologi Kognitif Ad-Din berjaya meningkatkan konsep kendiri remaja hamil tanpa nikah. Ini bertepatan dengan pandangan Corey dan Callanan (2003; Jong Hyon Kin, 1997; Rowgh, 2000; Rodenburg, 2001; Sapora, 2008) menyatakan agama dan spiritual menjadi salah satu sumber penyembuhan dan dapat memberi kekuatan khususnya kepada individu yang berada dalam keadaan kritikal. Hal ini kerana aspek spiritual membantu individu dalam proses penyembuhan dengan menolong seseorang individu belajar dengan menerima, memaafkan diri sendiri dan orang lain, mengaku kelemahan diri, belajar untuk mengatasi kesedihan, menangani rasa bersalah seterusnya menyesuaikan diri daripada pemikiran, perasaan dan tingkah laku merosakkan diri.

Pendekatan psikologi kognitif Ad-Din adalah teori yang menggunakan agama sebagai asas kerangka teoritikalnya. Kekuatan pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din bergantung kepada penggunaan tekniknya yang bersifat kerohanian, sikap kaunselor dan juga peringkat sesi yang dijalankan (Sapora, 2008). Keberkesanan kaunseling kelompok psikologi kognitif Ad-Din disebabkan oleh penggunaan tekniknya seperti teknik penyampaian pengetahuan, teknik pentafsiran ke atas penceritaan dan teknik kawalan kehadiran. Kekuatan terapi ini juga banyak bergantung kepada sifat positif yang ada di kalangan kaunselor dan ahli kelompok seperti sifat siddiq, amanah,

tablik dan fatanah. Sifat-sifat ini mewujudkan sifat kesalingan serta penerimaan ahli kelompok terhadap saranan alternatif yang dikemukakan oleh kaunselor sebagai panduan bagi ahli kelompok membuang yang tidak sesuai atau memilih yang baik tentang kerumitan yang sedang dihadapi ( Othman, 2005 ; Sapora, 2008).

## RUMUSAN

Kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang lepas iaitu Pete ,1989; Paik , 1992; Drummond & Hansford ,1990; Pete-McGadney , 1995 telah menunjukkan remaja-remaja yang hamil luar nikah mempunyai konsep sendiri yang rendah . Manakala kajian eksperimen yang dilakukan oleh Mohamamad Aziz Shah (2008) telah menunjukkan remaja-remaja yang mengikuti kaunseling kelompok bimbingan terdapat peningkatan konsep sendiri berbanding remaja yang tidak mengikuti intervensi kelompok.

Secara kesimpulannya, kedua-dua pendekatan itu iaitu Kaunseling Kelompok Pemusatan Insan dan kaunseling kelompok Psikologi Kognitif Ad-Din berjaya meningkatkan konsep sendiri remaja hamil tanpa nikah. Ini bertepatan dengan pengkaji-pengkaji yang lalu menyatakan intervensi secara pemulihan terutama menggunakan pendekatan kaunseling b erjaya menggalakkan perkembangan, mencegah dan menyembuhkan. (Gadza ,1978). Kajian-kajian yang dilakukan pengkaji-pengkaji di barat dan di dalam negara (Wan Abdul Kader , 1994; Abdul Malek , 2004; Sapora , 2007; Aziz Shah, 2008; Sun Choi , 2006; Michele , 1999; Miller et al. , 2008; Smith Ad-cock , 2008 dan Vasiliauskas, 2011) telah menunjukkan keberkesanan kaunseling kelompok dalam proses pencegahan, perawatan dan pemulihan berjaya membantu dalam proses penyesuaian dalaman klien mereka.

## RUJUKAN

- Abdul Malek Abdul Rahman. 2004. *Kesan Kaunseling Kelompok Tingkah Laku Kognitif dalam Merawat Tingkah Laku Langsung Buli di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Thesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Batu Caves: PTS Professional Sdn. Bhd.
- Braken, B. A. 1996 . *Handbook of Self-Concept. Development, Social and Clinical Considerations*. New York : John Wiley and Sons.
- Burt , M .R., Resnick, G. & Novick, E. R . 1998. *Building supportive communities for at-risk adolescents: it takes more than services* . Washington DC: American Psychological Association (APA)
- Cains. S. 2 003. *Psychoanalysis, psychology & counselling. Health, mind and body*. United Kingdom: Sage Publication.
- Coopersmith , S. 1967. *The Antecedent of Self-concept*. San Fransisco : University of California Press
- Corey, G (2000) *Theory and Practice of Group Counseling (5th Edition)* CA Books/Cole Publishing Company
- Corey, G., M.S., & Callanan (2003), *Issue and Ethics in the Helping Professions (6<sup>th</sup> ed.)*. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.
- Creswell, J. W. & Miller, D.L. 2000. *Determining validity in quantitative approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage

- Creswell, J. W. 2005. *Educational research planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Ed. Ke-2. Upper Saddle, New Jersey: Pearson Education
- Drummond, Robert J. & Hansford Sandra G. (1990), *Dimensions of Self-Concept of Pregnant Unwed Teens*, The Journal of Psychology, 125 (1), 65-69 Escohost 8/6/2010
- Foster, S. 1986. *Preventing teenage pregnancy*. Washington, DC : Council of State Policy and Planning Agencies.
- Francis Shelley A. (2007), *Implications of Public and Private Aspects of Religiosity for the Sexual Decisions of Black and White Adolescent*, The Journal of Youth Ministry, Vol. 5 Number 2, Pg 15-31(atas talian) <http://web.escohost.com/pustaka2.UPSI.edu.my>(22 Jun 2011)
- Garrison, Karl C. 1975. *Psychology of Adolescence*. Ed. Ke-7. New Jersey : Prentice-Hall, Inc
- Gazda, G.M. 1978. *Group Counseling: A Developmental Approach*, Allyn & Bacon Inc. Boston.
- Gibbs, N. 1993. May 24. *How should we teach our children about sex?* Time, 60-66.
- Gladding, S.T. 2003. *Group Work : A Counseling Speciality (4<sup>th</sup> Edition)*. Upper Saddle River, NJ : Pearson Education Inc
- Gravetter, F.J, Forzano, L.B. 2006. *Research Methods for the Behavioral Sciences* 2<sup>nd</sup> Edition Belmont: Thomson wadsworth.
- Jong Hyon Kin . 1997. *Positive stress management for housewives through spiritual training*. Unpublished PhD tesis. Robert University.
- Lee, S. 1991. *The Relationship of Early Adolescent Substance use to Extracurricular Activities, Peer Influence and Personal Attitudes*. Jurnal Adolescence, 26 (103)
- Levin, M. L., Whitaker, D. J., Miller, K.S., & May, D.C. 1999. *Teenage partner's communication about sexual risk and condom use: The importance of the parent-teenagers discussions*. *Family Planning Perspectives*. 31, 117-121
- Manlove J. et. al. 2008. *Pathway from Family Religiosity to Adolescent Sexual Activity and Contraceptive Use, Perspective on Sexual and Reproductive Health*. 40(2):105-117, doi:1363/4010508
- Marchand, Erica J., 2010, Ph.D., University of Oregon 125 pages; AAT 3435776
- Marsh, H. W. 2006. *Self-concept theory, measurement and research into practice: The role of self-concept in educational psychology*. Great Britain: The British Psychological Society
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip . 2004. *Delinkuen Juvenil Dan sosial Pencegahan, Pemulihan dan Isu Kontemporari* : Selangor Darul Ehsan. Percetakan Warni Sdn.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip . 2008. *Kesan Kelompok Bimbingan Ke Atas Konsep Kendiri, Daya Tahan dan Kelangsangan di Kalangan Remaja*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Bhd.



- Mohammad Nasir Bistaman .2006. *Kesan Kaunseling Kelompok ke atas Penyesuaian Remaja Berisiko*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Marsh, H. W. & Craven , R. G. 2003. *Reciprocal effects of self concept*. Australia : University of Western Sydney.
- Michelle , C ., Thomas, R. M., & Sinyangwe, I.M. 1989.*Adolescent Conceptions of Moral. Haiti*. The United State & Zambia . Youth & Society, 21 (2)
- Michele Newvill .1999, *Spiritual treatment, depression among elderly*. Thesis present to the Department of Social Work California State University. Lovy Beach
- Miller et. al (2008), *Journal of Psychology and Psychiatry* 49:7 (2008), pp 733-742
- Myrick ,R . D.,1993. *Development Guidance and Counseling: A Practice Approach*. . Minneapolis: Educational Media Corporation.
- Myrick , R. D., Merhill, H. & Swanson, L. 1986. *Changing Student Attitudes through Classroom Guidance, The School Counselor*, 33(4),244-252
- Neuman , W. L. 2003. *Social Research Methods. Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston : Allyn and Bacon
- O'Mara, A.J. Marsh, H.W., Craven, R.G.,& Debus, R.L. 2006. *So Self-concept interventions make a difference? A synergistic blend of construct validation and meta-analysis*,41(3):181-206
- Othman Mohamed. 2005. *Prinsip Psikoterapi dan Pengurusan dalam Kaunseling* . Serdang: UPM
- Parnell Edward Ryan .1997, *A Study of the Transtheoretical Approach on Sex Offenders in a Group Setting*. [Elektronik Version], Southwestern babptist Theological Seminary School of Religious Education, 75 pa ges; AAT 9819520. Diperoleh Januari 21, 2011 daripada <http://proquest.umi.com/pqdweb>.
- Paget , K. 1988. *Adolescent Pregnancy Implications for Prevention Strategies in Educational Settings*. School Psychology Review, 17, 570-579.
- Paik, S. J. (1992). *Self-concept of pregnant teenagers*. Jurnal of Health & Social Policy, 3 (3), 93-111
- Paulus, D.B. 2000. Group, teams and creativity: The creative potential of idea-generating groups. *Applied Psychology*. 49: 237-262.
- Pete-McGadney , J. .1995. *Differences in Adolescent Self-Concept as a Function of Race, Geographic Location, and Pregnancy*.
- Pete, J.M. 1989, *An investigation of the relation between self-concept and sexual decision making in black pregnant adolescents*. Unpublished doctoral dissertation. University of Miami.
- Pete, J.M. 1990. *Self Concept: Younger vs older black pregnant adolescents*, Jurnal of National Black Nurses Association. Fall/Winter, 35-44.

- Phelps, T. R., 1976. *Juvenile Delinquene. A. Contemporary View*. Santa Monica, Ca: Goodyear Publishing Company Inc.
- Purkey , W.W. (1970).*Self Concept and School Achievement*. Englewood Cliffs, New Jersey; Printice Hall.
- Rahimi Che Aman. 2006. *Kesan Kaunseling 'brief' individual ke atas penghargaan sendiri dan kadar ponteng sekolah*. Tesis Dr. Fal. Universiti Sains Malaysia
- Rogers, C. 1951. *Client Centered Therapy: Its Current Practise, Implication and Theory*. Boston : Houghton Mifflin.
- Rogers, C. 1970. *Carl Rogers on Encounter Groups* . New York : Harper & Row.
- Rowgh, T.M.2000 . *The role of spirituality in the treatment of long term post-traumatic stress*. UMI proquest Digital Dissertations.
- Sapora Sipon .2007. *Keberkesanan Kaunseling Kelompok Pemusatan Insan, Rasional Emotif Tingkah Laku dan Psikologi Kognitif Ad-Din ke atas Tahap Tekanan, Kepuasan Keraja, Strategi Berdaya Tindak dan Sokongan Sosial Guru*. Thesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sapora Sipon .2008. *Keberkesanan Kaunseling Kelompok Pemusatan Insan, Rasional Emotif Tingkah Laku dan Psikologi Kognitif Ad-Din ke atas Tahap Tekanan Guru*. Jurnal PERKAMA. 14 : 71-96
- Smith-Adcock S, M. Webster S., G. Leonard L., L. w alker J.(2008), *Benefits of a holistic Group Counseling Model to Promote Wellness for Girls at Risk for Delinquency: An Exploratory Study*. Jurnal of Humanistic Counseling, Education and Development, Volume 47,111-126
- Sun Choi, Min , 2006. Doc. Miss., Oral Roberts University, 205 pages. (atas talian) <http://www.proquest.umi.com/pqdweb>
- Shaughnessy J.J., Zechmeister E. B. & Zechmeister J.S , 2011 .*Reseach Methods In Psychology*, McGraw-Hill Higher Education, New York
- Tosseland, R.W. & Siporin, M.(1986).When to recommend group treatment: A review of the clinical and geoup literature. *International Journal of Group Psychotherapy*, 36:171- 201
- Vasiliauskas , Sarah L. 2011. Psy. D., George Fox University, 2012, 56 pages ; AAT 3445537  
http: proquest. umi.com. www. ezplib. ukm. My
- Wan Abdul Kader , 1986 . *Ulasan terhadap syarat-syarat kaunseling pemusatan insan Rogers dan kesesuaian penggunaannya di Malaysia* . Jurnal PERKAMA 2 : 113-126
- Wan Abdul Kader Wan Ahmad . 1994. *Kaunseling Kelompok Berstruktur Pengurangan Kebimbangan Sosial*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.